

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1993/94

April 1994

HSD 452 Sejarah Antarabangsa 1919 - 1975

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. "Di Persidangan Perdamaian Paris 1919 negarawan-negarawan dunia telah berusaha untuk mendirikan keamanan sedunia yang berkekalan. Akan tetapi mereka hanya berjaya untuk menyemai benih-benih Perang Dunia Kedua". Bincangkan.
2. Bincangkan secara bandingan mana-mana dua tesis atau karya yang khusus mengenai asal-usul Perang Pasifik.
3. Sejauh manakah Perang Dingin di antara Amerika Syarikat dan Soviet Union disebabkan oleh perbezaan ideologi di antara dua buah kuasa itu?
4. Jelaskan mengapakah Amerika Syarikat akhirnya telah menyebelahi pihak nasionalis Indonesia menentang Belanda dalam Perang Kemerdekaan Indonesia manakala di Vietnam pula, pada masa yang sama, Amerika Syarikat telah menyebelahi penjajah Perancis menentang Viet Minh dalam Perang Kemerdekaan Vietnam.
5. Nilaiikan secara kritis dasar "pembendungan" yang diamalkan oleh Pentadbiran Truman. Rujuk secara khusus sama ada kepada Eropah ataupun Asia-Pasifik.

6. Bincangkan kesan-kesan utama Perang Dingin keatas rantau Asia Pasifik.
  
7. "Detente" bererti "kelegaan ketegangan di antara dua pihak yang bermusuhan". Sejauh manakah detente di antara Amerika Syarikat dan Soviet Union pada pertengahan 1960an dan pertengahan 1970an benar-benar merupakan "kelegaan ketegangan" di antara dua buah kuasa tersebut? Bincangkan.

-ooo000ooo-